

12/12/2000

Malaysia pilihan utama skuasy Piala Asia

Haryani Ngah

PENINGKATAN corak permainan pemain skuasy negara dalam beberapa kejohanan sebelum ini menjadikan Malaysia selaku pilihan utama Kejohanan Skuasy Piala Asia 2000 yang akan berlangsung selama lima hari di Pusat Skuasy Majlis Sukan Negara (MSN), Jalan Duta, bermula esok.

Kejohanan yang mendapat tajaan sebanyak RM70,000 daripada pelbagai pihak itu menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan berjumlah RM25,000.

Di kejohanan yang membabitkan lapan pasukan, Malaysia diletakkan dalam kumpulan A bersama-sama Jepun, Singapura dan Korea.

Manakala pencabar utama negara di kejohanan itu, Pakistan dan Hong Kong berada dalam kumpulan B bersama Jordan dan Sri Lanka.

Pasukan Malaysia dibarisi Ong Beng Hee yang kini pemain nombor satu Asia, Kenneth Low, Mohd Azlan Iskandar, Sharon Wee dan Tricia Chuah.

Pakistan pula buat pertama kali dalam sejarah menghantar peserta wanita iaitu Bushra Haider.

Pengurus pasukan, Mejar S Maniam berkata, dia yakin pasukan negara mampu menjuarai kejohanan itu kerana Malaysia mempunyai pemain terbaik Asia selain pemain yang sedang meningkat naik.

"Untuk berdepan dengan Pakistan kita tidak menghadapi masalah menundukkan pemain wanitanya kerana dia masih baru dalam skuasy.

"Bagaimanapun pemain kita perlu berhati-hati ketika berdepan pemain nombor satu mereka, Amjad Khan dan Mansoor Zaman yang mempunyai permainan yang begitu konsisten sekali," katanya pada sidang akhbar di Pusat Skuasy MSN, Jalan Duta semalam.

Turut hadir di sidang akhbar berkenaan adalah Presiden Persekutuan Skuasy Asia, Mokhzani Mahathir.

Maniam berkata, cabaran Hong Kong datang daripada pemain wanitanya Rebecca Chiu kerana pemain lelaki mereka kurang menyerlah.

Namun, Maniam yakin dengan latihan yang cukup di samping keadaan kesihatan stabil, Sharon mampu menghadapi pemain itu.

Biarpun tanpa ketiadaan pemain wanita nombor satu negara, Nicol David tetapi Maniam percaya Sharon dan Tricia mampu menggalas tanggungjawab mereka di kejohanan itu.

"Nicol meninggalkan latihan selama tiga bulan dan dia perlu menjalani latihan terlebih dahulu bagi mengembalikan rentak dan tenaga," katanya.

Maniam berharap peserta negara dapat mengakhiri tahun 2000 dengan kejuaraan di kejohanan itu.

(END)